

Jika Makkah, Madinah terancam; Mahathir”

# Malaysia sedia

BH 25 AUG 1990

# hantar tentera



Oleh JAILANI HARUN

ALOR STAR, Jumaat — Malaysia akan menghantar tenteranya ke Arab Saudi jika Tanah Suci Makkah dan Madinah terancam berikutan meletusnya krisis terbaru di Teluk Parsi, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jika tidak, katanya Malaysia akan hanya menghantar tentera ke Arab Saudi sekiranya diminta oleh Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), untuk berbuat demikian.

Bagaimanapun, katanya tugas mempertahankan kedaulatan wilayah Arab Saudi sepatutnya dipikul oleh PBB, tetapi badan dunia itu tidak dapat berfungsi kerana terpaksa meminta perse-

tujuan semua anggotanya sebelum bertindak.

Kita dukacita dengan perkembangan di Teluk dan tindakan Arab Saudi meminta bantuan negara bukan Islam. Sepatutnya krisis sesama Islam itu diselesaikan oleh negara sahabat di kalangan negara Islam sendiri.

Tetapi Arab Saudi dibantu oleh Amerika Syarikat, kononnya untuk memelihara Tanah Suci Makkah dan Madinah.

Arab Saudi bukanlah Tanah Suci. Tanah Suci ialah Makkah dan Madinah serta kawasan sekitarnya. Jadi, apa yang dipertahankan oleh mereka sekarang ialah Arab Saudi semata-mata kerana Tanah Suci jaraknya 1,800 kilometer dari sempadan Kuwait, katanya.

Bagaimanapun, Malaysia sedia membantu jika PBB memberi kelulusan, seperti yang pernah dibuat di Kongo, Iran-Iraq dan Namibia,” katanya ketika melancarkan Bulan Bakti Rela peringkat kebangsaan, di Sekolah Menengah Sri Mahawangsa, Jitra, dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, pencerobohan Iraq ke atas Kuwait membuktikan bahawa Kuwait, tidak mampu mempertahankan wilayahnya daripada ancaman luar.

Arab Saudi juga tidak mampu dan sebab itulah ia meminta bantuan asing. Negara itu menjadi sasaran sebab ada pihak ingin mendapatkan kekayaan mereka.

Jadi, mahu tidak mahu, Arab Saudi terpaksa meminta bantuan sesiapa saja, termasuk daripada negara bukan Islam,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menegaskan bahawa kemerdekaan sesebuah negara tidak akan kekal jika rakyatnya enggan membantu pasukan keselamatan memelihara kedaulatan wilayah mereka.

Menurutnya, di beberapa negara maju, rakyatnya tidak langsung berminat menyertai pasukan pelapis tentera sehinggalah negara itu terpaksa mengambil askar upahan untuk menjaga keselamatan.

Mengambil askar upahan asing tidak dapat menjamin keselamatan sepenuhnya kerana mereka cuma rela mati kerana wang.

Tetapi kita bersyukur kerana rakyat negara ini rela berkhidmat sepenuh hati untuk kepentingan negara, agama dan bangsa, katanya.